

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua**

**Sidang Akademik 1999/2000**

**Februari 2000**

**HKB 501 - Konvensi, Tipainduk dan Tema-tema Kesusasteraan Asia**

**Masa: [3 jam]**

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI **LAPAN** [8] SOALAN DI DALAM **DUA** [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja, iaitu dua daripada tiap-tiap Bahagian A dan Bahagian B.

**BAHAGIAN A**

1. Pada dasarnya *Mahabharata* karya Vyasa (?) merupakan sebuah epik kepahlawanan. Dengan merujuk kepada contoh-contoh konkrit dalam karya tersebut, jelaskan fungsi-fungsi terpenting sesebuah karya sastera yang tergolong dalam jenis kesusasteraan ini.
2. Walaupun jenis kesusasteraan epik kepahlawanan pada asasnya tidak memberi peluang kepada para watak untuk mengungkapkan perasaan dan pandangan peribadi, namun *Heike Monogatari* merupakan satu kekecualian. Dengan merujuk kepada episod yang bertajuk “*Atsumori*” bincangkan pernyataan ini.
3. *Panji Narawangsa* mungkin boleh dianggap sebagai terdiri dari dua bahagian, yang masing-masing diperkembangkan dengan mengikuti skema plot romans (*romance*) Panji yang sama. Dengan merujuk kepada contoh-contoh konkrit, bincangkan sejauhmanakah pernyataan ini benar atau tidak.
4. Puisi *The Tale of Kieu* nukilan Nguyen Du merupakan sebuah romans (*romance*) yang menceritakan tentang perbuatan-perbuatan yang sebenarnya bercanggahan dengan moral Buddhisme dan Konfusianisme. Jelaskan mengapakah pula karya itu disukai ramai dahulu dan sekarang, bukan sahaja oleh orang biasa Vietnam tapi juga oleh cendekiawan di negara itu.

## **BAHAGIAN B**

5. Kehadiran tema sumbang mahram di dalam kesusasteraan Timur dan Barat memperlihatkan bahawa tema ini adalah universal. Teori yang popular digunakan bagi menjelaskan tema ini adalah teori Sigmund Freud yang mentafsir akan sumbang mahram di dalam tragedi Yunani, *Oedipus*. Walau bagaimanapun perbezaan yang besar dalam isi cerita tentang sumbang mahram dalam karya-karya yang dapat dikesan dalam masyarakat Asia sukar untuk menerima teori Freud sebagai asas kepada cerakinan terhadap karya-karya Asia itu. Bincangkan dengan kritis pernyataan di atas.
6. Sufisme berdasarkan kepada ajaran pokok agama Islam dalam persoalan bagaimana seorang Muslim harus menjalani kehidupannya di dunia yang fana ini. Walaupun ada ulama-ulama yang kritis terhadapnya, pergerakan ini berkembang dengan berpandukan kepada doktrin yang tegar sehingga melahirkan juga aliran penulisan yang tersendiri dalam bentuk, tema dan matlamatnya. Berdasarkan kepada penelahan anda terhadap puisi-puisi sufi sejahterakah benarnya untuk mengatakan bahawa doktrin sufisme itu terpancar dalam puisi-puisi tersebut.
7. Pelbagai cerita mengenai nabi-nabi yang tersibar luas di dunia Islam adalah kesan daripada transformasi kisah-kisah nabi dalam *al-Quran*. Berdasarkan kepada karya-karya mengenai Nabi Yusuf huraikan dengan kritis perubahan yang berlaku dalam aspek objektif, isi, bentuk dan kesan daripada kisah asalnya.
8. Hasil-hasil bertemakan kerohanian dalam dunia Islam boleh dirumuskan sebagai membicarakan detik-detik perjalanan seorang *pengembara* pulang menuju kepada Khaliqnya. Bincangkan dengan jelas sejauh manakah benarnya untuk membuat rumusan demikian. Selanjutnya huraikan perbezaan konsep ini dengan tema arkitaip perjalanan dan kepulangan yang dikemukakan oleh C. G. Jung.